



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 8 (28)
Tarikh : 21 Februari 2023

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN UNDANGAN ATAU LAWATAN ORANG KENAMAAN DAN AHLI
POLITIK KE INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

TUJUAN

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan SPI berkaitan mengundang orang-orang kenamaan atau individu tertentu ke institusi pendidikan. SPI yang telah dikeluarkan menerangkan keperluan pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri bagi mengundang orang-orang kenamaan atau individu tertentu. Ini adalah bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga institusi pendidikan serta menjamin keselamatan harta benda institusi pendidikan.

3. KPM mendapati terdapat kecenderungan dalam kalangan warga institusi pendidikan mengundang orang kenamaan, ahli politik atau individu tertentu daripada pelbagai latar belakang untuk merasmikan program, aktiviti dan majlis di institusi pendidikan.
4. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 2 Februari 2023 telah memutuskan bahawa KPM boleh mengeluarkan arahan untuk tidak membenarkan mana-mana ahli politik menghadiri program atau aktiviti di institusi pendidikan melainkan setelah mendapat kebenaran pihak KPM. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2023 bertarikh 9 Februari 2023 telah memutuskan Garis Panduan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia diluluskan.

PELAKSANAAN

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan diingatkan bahawa keutamaan menjemput orang kenamaan ke institusi pendidikan hendaklah diberi kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Pengarah Pendidikan Negeri atau wakil-wakil mereka untuk majlis perasmian sama ada di peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) atau di peringkat institusi pendidikan.
6. Garis Panduan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan dan panduan kepada semua pegawai di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan.
7. SPI ini hendaklah dibaca bersama-sama SPI berikut:

- 7.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018: Panduan Penyaluran dan Penerimaan Sumbangan daripada Sektor Swasta dan Bukan Swasta kepada Sekolah Kerajaan

dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 29 Mac 2018; dan

- 7.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 7 Jun 2018.

TARIKH KUAT KUASA

8. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasa SPI ini maka SPI berikut adalah **terbatal**:

- 9.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2008: Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah oleh Pihak Luar bertarikh 31 Mac 2008;
- 9.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1991: Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan bertarikh 12 September 1991;
- 9.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1991: Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan bertarikh 16 Mei 1991; dan
- 9.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/1988: Keberangkatan DYMM Sultan/Raja atau TYT Yang Dipertua Negeri Menghadiri Majlis Rasmi Sekolah bertarikh 18 Julai 1988.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkup Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN UNDANGAN ATAU LAWATAN ORANG
KENAMAAN DAN AHLI POLITIK KE INSTITUSI PENDIDIKAN
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

1.	Latar Belakang.....	2
2	Syarat Penganjuran Program/Aktiviti/Majlis yang Melibatkan Undangan dan Lawatan oleh Orang Kenamaan dan Ahli Politik di Institusi Pendidikan KPM	6
3	Peranan dan Tanggungjawab.....	7
4	Tatacara Permohonan Mengundang Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Program/Aktiviti/Majlis Institusi Pendidikan	8
5	Tatacara Permohonan Lawatan daripada Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan	9
6	Tatacara Permohonan Lawatan daripada Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan Secara Tidak Dirancang (Ad-Hoc)	10
7	Tanggungjawab Bahagian KPM.....	11
8	Tanggungjawab JPN	11
9	Tanggungjawab Pentadbir Institusi Pendidikan.....	12
10	Tanggungjawab Orang Kenamaan dan Ahli Politik	12
11	Penutup	13
	LAMPIRAN 1	14
	LAMPIRAN 2	15
	LAMPIRAN 3	16
	LAMPIRAN 4	17
	LAMPIRAN 5	18
	LAMPIRAN 6	19

1. Latar Belakang

Garis Panduan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini merupakan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melancarkan pengurusan dan pengoperasian institusi pendidikan.

1.1 Tujuan

Tujuan garis panduan ini adalah untuk:

- 1.1.1 Memberi penjelasan tentang tata cara mengundang atau lawatan orang-orang kenamaan dan ahli politik ke institusi pendidikan untuk tujuan menghadiri/ merasmikan program/aktiviti/majlis di institusi pendidikan KPM termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej vokasional, kolej tingkatan enam, kolej matrikulasi dan institut pendidikan guru. Institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM dan institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM juga disarankan merujuk garis panduan ini; dan

- 1.1.2 Menjadi rujukan kepada pegawai bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru/pensyarah di institusi pendidikan.

1.2 Tafsiran

Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini:

- 1.2.1 Institusi Pendidikan** bermaksud sekolah atau mana-mana tempat lain, di mana dalam menjalankan kerja sesuatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar, sama ada di dalam satu kelas atau lebih dan termasuklah tadika dan pusat pendidikan jarak jauh (Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]).

- 1.2.2 Institusi Pendidikan Swasta (IPS)** bermaksud semua IPS yang berdaftar dengan KPM bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] seperti yang berikut:
 - i. tadika swasta;
 - ii. sekolah rendah akademik swasta;
 - iii. sekolah menengah akademik swasta;
 - iv. sekolah rendah agama swasta;
 - v. sekolah menengah agama swasta;
 - vi. sekolah pendidikan khas swasta;
 - vii. sekolah antarabangsa;
 - viii. sekolah ekspatriat;
 - ix. sekolah menengah persendirian Cina;
 - x. pusat tuisyen;
 - xi. pusat bahasa;
 - xii. pusat kemahiran;
 - xiii. pusat perkembangan minda;

- xiv. pusat latihan;
- xv. pusat bimbingan HUMANA;
- xvi. pusat pembelajaran komuniti (CLC); dan
- xvii. pusat bimbingan alternatif.

1.2.3 **Orang Kenamaan*** merujuk kepada:

- i. Yang di-Pertuan Agong;
- ii. Raja Permaisuri Agong;
- iii. Raja-raja dan Pemangku Raja;
- iv. Yang di-Pertua bagi Negeri-negeri;
- v. Ketua Jabatan Agensi Kerajaan Persekutuan selain KPM;
- vi. Ketua Jabatan Agensi Kerajaan Negeri;
- vii. Pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan; dan
- viii. Pegawai Kanan Kerajaan Negeri.

1.2.4 **Ahli Politik*** merujuk kepada:

- i. Ahli Jemaah Menteri;
- ii. Premier/Ketua Menteri/Menteri Besar;
- iii. Timbalan Menteri;
- iv. Ahli Dewan Negara;
- v. Ahli Dewan Rakyat;
- vi. Menteri Negeri di Sabah/Sarawak;
- vii. Exco Negeri (keutamaan Exco Pendidikan); dan
- viii. Ahli Dewan Undangan Negeri.

*Mana-mana ahli politik dan orang kenamaan yang tidak tersenarai seperti di atas yang membuat permohonan memasuki premis institusi pendidikan melalui organisasi seperti

Non-governmental organizations (NGO) adalah dianggap mewakili NGO tersebut sahaja dan bukannya mewakili mana-mana parti politik.

1.2.5 Program/Aktiviti/Majlis di Institusi Pendidikan merujuk kepada:

- i. Program atau aktiviti pendidikan yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik dan penerapan nilai murni murid;
- ii. Program atau aktiviti kokurikulum yang dapat merangsang minat murid terhadap persatuan, unit beruniform serta sukan dan permainan;
- iii. Program atau aktiviti pendidikan di luar bilik darjah yang dapat meningkatkan motivasi dan menyokong kepada pencapaian akademik murid;
- iv. Program atau aktiviti pendidikan berbentuk bimbingan kerjaya yang merangsang kepada kesedaran murid terhadap minat yang menjurus kepada kerjaya;
- v. Program atau aktiviti yang dapat meningkatkan kesedaran murid terhadap kebersihan, keceriaan, keselamatan dan kesihatan;
- vi. Program/aktiviti/majlis perpaduan dan kewarganegaraan;
- vii. Program/aktiviti/majlis motivasi/disiplin murid/intervensi;
- viii. Program/aktiviti/majlis kerohanian dan pendidikan moral;

- ix. Program/aktiviti/majlis kemasyarakatan;
- x. Program/aktiviti/majlis lain yang bersesuaian dan bercirikan pendidikan;
- xi. Program/ aktiviti/ majlis peningkatan profesionalisme guru/pensyarah dan staf;
- xii. Program atau aktiviti keberkesanan kepimpinan pentadbiran institusi pendidikan; dan
- xiii. Program/ aktiviti/ majlis yang mendapat kelulusan KPM.

2 Syarat Penganjuran Program/Aktiviti/Majlis yang Melibatkan Undangan dan Lawatan oleh Orang Kenamaan dan Ahli Politik di Institusi Pendidikan KPM

Program/aktiviti/majlis yang dilaksanakan hendaklah:

- i. selaras dengan dasar, peraturan-peraturan pendidikan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
- ii. tidak melibatkan sebarang elemen **politik, perkauman dan ekstremisme**;
- iii. tiada sebarang aktiviti tidak sihat dan tidak bermoral yang boleh menjelaskan pemikiran murid;
- iv. tidak menjelaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid;
- v. tidak menjelaskan perjalanan peperiksaan awam;
- vi. tidak menyebabkan guru/pensyarah, murid dan warga institusi pendidikan menanggung sebarang liabiliti selepas program/aktiviti/majlis berakhir;

- vii. **tidak memberikan implikasi kewangan** kepada KPM, JPN, PPD, institusi pendidikan, pegawai, guru/pensyarah dan murid yang terlibat;
- viii. tidak mengabaikan keselamatan atau kesihatan murid, guru/pensyarah dan warga insititusi pendidikan;
- ix. **tidak membawa, mempamer atau menggunakan sebarang lambang parti dan berkempen tentang politik dalam premis institusi pendidikan;**
- x. mendapatkan kebenaran bagi melaksanakan sebarang sidang media dalam premis institusi pendidikan;
- xi. dilaksanakan di luar waktu PdP dan di luar waktu persekolahan; dan
- xii. mematuhi syarat serta peraturan KPM dari semasa ke semasa.

3 Peranan dan Tanggungjawab

- 3.1 Kuasa melulus undangan orang kenamaan dan ahli politik adalah bawah tanggungjawab:
 - 3.1.1 Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru (Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia); atau
 - 3.1.2 Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru (Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia); atau
 - 3.1.3 Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru (Pengarah Pendidikan Negeri); atau
 - 3.1.4 Timbalan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru (Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri).

- 3.2 Permohonan yang melibatkan Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong, Raja atau Sultan, Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan, Anggota Jemaah Menteri Kabinet Kerajaan Persekutuan termasuk timbalan-timbalan menteri perlu dihantar kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru untuk tujuan kelulusan (**Rujuk Carta Alir di Lampiran 1 - 4**).
- 3.3 Permohonan orang kenamaan dan ahli politik selain yang disenaraikan dalam perkara 3.2 adalah bawah tanggungjawab dan kelulusan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru dan perlu dimaklumkan secara rasmi kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru.
- 3.4 Surat kelulusan peringkat KPM akan diuruskan oleh Bahagian KPM yang bertanggungjawab.
- 3.5 Institusi Pendidikan yang dikawal selia oleh Bahagian di KPM seperti sekolah berasrama penuh, kolej vokasional, sekolah pendidikan khas, institusi pendidikan guru, matrikulasi dan lain-lain adalah bawah pengurusan Bahagian masing-masing.

4 Tatacara Permohonan Mengundang Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Program/Aktiviti/Majlis Institusi Pendidikan

- 4.1 Permohonan mengundang orang kenamaan dan ahli politik ke program/aktiviti/majlis institusi pendidikan hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak JPN/KPM (**Rujuk Carta Alir di Lampiran 5**).
- 4.2 Setiap permohonan perlu dihantar ke JPN/KPM sekurang-kurangnya 30 hari sebelum pelaksanaan program/aktiviti/majlis di institusi pendidikan.

- 4.3 Permohonan perlu dihantar ke JPN/KPM untuk tujuan semakan dan penilaian sebelum diproses untuk kelulusan.
- 4.4 Permohonan hendaklah dikemukakan melalui surat rasmi dan **Borang Permohonan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Insitusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia** seperti yang dilampirkan dalam garis panduan ini bersama-sama kertas cadangan yang mengandungi perkara-perkara berikut:
- a) Tajuk;
 - b) Tujuan/Objektif;
 - c) Latar Belakang;
 - d) Cadangan Tarikh;
 - e) Cadangan Tempat;
 - f) Kumpulan Sasar;
 - g) Anggaran Bilangan Peserta;
 - h) Kaedah Pelaksanaan;
 - i) Anggaran Kos dan Sumber Peruntukan;
 - j) Faedah/*Outcome*; dan
 - k) Kesimpulan

5 Tatacara Permohonan Lawatan daripada Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan

- 5.1 Orang kenamaan dan ahli politik hendaklah menghantar permohonan ke JPN/KPM sekurang-kurangnya **30 hari sebelum tarikh lawatan (Rujuk Carta Alir di Lampiran 6)**.
- 5.2 Permohonan hendaklah dikemukakan melalui surat rasmi dan **Borang Permohonan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Insitusi Pendidikan Bawah**

Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang dilampirkan dalam garis panduan ini bersama-sama kertas cadangan yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Tajuk;
- b) Tujuan/Objektif;
- c) Latar Belakang;
- d) Cadangan Tarikh;
- e) Cadangan Tempat;
- f) Kumpulan Sasar;
- g) Anggaran Bilangan Peserta;
- h) Kaedah Pelaksanaan;
- i) Anggaran Kos dan Sumber Peruntukan;
- j) Faedah/*Outcome*; dan
- k) Kesimpulan

5.3 Kos penganjuran program/aktiviti/majlis termasuk pengangkutan, makan dan minum adalah bawah tanggungan orang kenamaan dan ahli politik.

6 **Tatacara Permohonan Lawatan daripada Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan Secara Tidak Dirancang (Ad-Hoc)**

- 6.1 Orang kenamaan dan ahli politik **tidak dibenarkan** ke institusi pendidikan secara *ad-hoc* untuk melaksanakan program yang melibatkan guru/pensyarah dan murid.
- 6.2 KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa PdP murid, sehubungan dengan itu sebarang permohonan secara *ad-hoc* **tidak akan dipertimbangkan** kecuali permohonan yang difikirkan sesuai dan

dipertimbangkan oleh pelulus.

7 Tanggungjawab Bahagian KPM

- 7.1 Bahagian yang bertanggungjawab menyediakan surat kelulusan di peringkat KPM kepada pemohon untuk tindakan lanjut;
- 7.2 Bahagian berkaitan bertanggungjawab menguruskan permohonan institusi pendidikan masing-masing; dan
- 7.3 Bahagian memantau, menyelaras dan membantu JPN dalam memastikan garis panduan ini dipatuhi.

8 Tanggungjawab JPN

- 8.1 JPN memantau, menyelaras dan membantu pihak sekolah untuk memastikan garis panduan ini dipatuhi semua pihak;
- 8.2 JPN memastikan semua permohonan yang dikemukakan kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru/ Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru/ Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru/ Timbalan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru adalah berdasarkan permohonan secara individu dan bukan secara pukal;
- 8.3 JPN memastikan bahawa kelulusan undangan dan lawatan orang kenamaan dan ahli politik diuruskan mengikut tanggungjawab dan bidang tugas yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini;
- 8.4 JPN meneliti, menilai dan memberi kelulusan kepada permohonan berdasarkan syarat yang digariskan dalam garis panduan ini; dan

- 8.5 Mengambil tindakan terhadap sebarang pelanggaran kepada ketidakpatuhan kepada garis panduan ini serta melaporkan kepada KPM untuk tindakan lanjut.

9 Tanggungjawab Pentadbir Institusi Pendidikan

Pentadbir perlu memastikan perkara berikut dipatuhi:

- 9.1 orang kenamaan dan ahli politik mendapat kelulusan daripada JPN/KPM sebelum melaksanakan program/aktiviti/majlis;
- 9.2 **guru/pensyarah tidak dibenarkan** terlibat sebagai pengajur program/aktiviti/majlis kecuali aktiviti anjuran KPM;
- 9.3 program/aktiviti/majlis yang dilaksanakan tidak mengganggu proses PdP murid;
- 9.4 melaporkan orang kenamaan dan ahli politik yang gagal mematuhi garis panduan yang ditetapkan KPM; dan
- 9.5 mematuhi syarat pengajuran seperti yang digariskan dalam garis panduan ini.

10 Tanggungjawab Orang Kenamaan dan Ahli Politik

Orang kenamaan dan ahli politik perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- 10.1 memohon kebenaran kepada KPM untuk mengadakan program/aktiviti/majlis sekurang-kurangnya **30 hari sebelum** lawatan atau program/aktiviti/majlis ingin dilaksanakan di premis institusi pendidikan;
- 10.2 tidak melaksanakan program/aktiviti/majlis berunsur politik, perkauman dan ekstremisme di institusi pendidikan;


- 10.3 tidak mempamerkan sebarang lambang parti politik semasa berada di dalam institusi pendidikan;
- 10.4 tidak menganjurkan program/aktiviti/majlis semasa sesi persekolahan berlangsung;
- 10.5 bertanggungjawab menanggung sebarang kos jika berlaku kerosakan terhadap kemudahan institusi pendidikan;
- 10.6 bertanggungjawab memastikan aspek kawalan keselamatan dan kesihatan dipatuhi jika program/aktiviti/majlis yang dianjurkan adalah berskala besar dalam institusi pendidikan; dan
- 10.7 mematuhi syarat penganjuran seperti yang digariskan dalam garis panduan ini.

11 Penutup

Garis Panduan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini diharap dapat memastikan pengurusan undangan dan lawatan orang kenamaan dan ahli politik di institusi pendidikan dapat berjalan dengan lancar. JPN dan PPD hendaklah memantau pelaksanaan garis panduan ini di negeri dan daerah masing-masing bagi memastikan pematuhan berterusan kepada garis panduan ini.


Carta Alir

Tatacara Permohonan Institusi Pendidikan Melaksanakan Majlis yang Mengundang Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri



Carta Alir


Tatacara Mengundang Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri ke Majlis Rasmi Institusi Pendidikan



LAMPIRAN 3

Carta Alir


Tatacara Permohonan Institusi Pendidikan Melaksanakan Majlis yang Mengundang Anggota Jemaah Menteri/Timbalan Menteri ke Majlis Rasmi Institusi Pendidikan



LAMPIRAN 4

Carta Alir


Tatacara Mengundang Anggota Jemaah Menteri/Timbalan Menteri ke Majlis Rasmi Institusi Pendidikan



LAMPIRAN 5


Carta Alir

Tatacara Permohonan Mengundang Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Program/Aktiviti/Majlis Institusi Pendidikan



Carta Alir

Tatacara Permohonan Lawatan daripada Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BORANG PERMOHONAN UNDANGAN ATAU LAWATAN ORANG KENAMAAN DAN AHLI POLITIK
KE INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. Nama Pemohon: _____

2. Jawatan Pemohon: _____

3. No. Telefon: _____ 4. E-mel: _____

5. Tujuan: Undangan Lawatan 6. Nama Institusi Pendidikan: _____

7. Nama Orang Kenamaan/Ahli Politik: _____

8. Jawatan: _____

9. Nama Program/Aktiviti/ Majlis: _____

10. Tarikh: _____ 11. Tempat: _____ 12. Masa: _____

13. Justifikasi Program/Aktiviti/ Majlis:

 Perasmi Penyumbang Lawatan Lain-lain (Sila nyatakan).....

14. Isi kandungan kertas cadangan. Sila tandakan (/) di ruang berkenaan. (Permohonan yang tidak disertakan dengan kertas cadangan yang lengkap akan ditolak)

Perkara	Ya	Tidak
i. Tajuk;		
ii. Tujuan/Objektif;		
iii. Latar Belakang;		
iv. Cadangan Tarikh;		
v. Cadangan Tempat;		
vi. Kumpulan Sasar;		
vii. Anggaran Bilangan Peserta;		
viii. Kaedah Pelaksanaan;		
ix. Anggaran Kos dan Sumber Peruntukan;		
x. Faedah/Outcome; dan		
xi. Kesimpulan		

15. Tandatangan Pemohon dan Cap Rasmi:

16. Tarikh:

Untuk Kegunaan Pejabat.**Tarikh Terima:**

Permohonan diterima memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2023: Garis Panduan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik Ke Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia:

Ya Tidak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PANDUAN PENGISIAN BORANG PERMOHONAN UNDANGAN ATAU LAWATAN ORANG
KENAMAAN DAN AHLI POLITIK KE INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Nama Pemohon:	NAMA PEMOHON YANG MEMBUAT PERMOHONAN		
2. Jawatan Pemohon:	JAWATAN PEMOHON YANG MEMBUAT PERMOHONAN		
3. No. Telefon:	000-1234567	4. E-mel:	123@xxx.mail.com
PILIH SATU			
5. Tujuan:	<input type="checkbox"/> Undangan	<input type="checkbox"/> Lawatan	6. Nama Institusi Pendidikan: (NAMA INSTITUSI YANG AKAN DIHADIRI)
7. Nama Orang Kenamaan/Ahli Politik:	(NAMA ORANG KENAMAAN YANG AKAN HADIR)		
8. Jawatan:	(JAWATAN YANG DISANDANG ORANG KENAMAAN YANG AKAN HADIR) (NAMA PROGRAM/AKTIVITI/MAJLIS YANG DILAKUKAN/		
9. Nama Program/Aktiviti/ Majlis:	DIHADIRI)		
10. Tarikh:	(DD/MM/YYYY)	11. Tempat:	(DEWAN/PADANG DSB)
12. Masa:	(3.OOPTG)		
13. Justifikasi Program/Aktiviti/ Majlis:	PILIH SATU		
<input type="checkbox"/> Perasmian <input type="checkbox"/> Penyumbang <input type="checkbox"/> Lawatan <input type="checkbox"/> Lain-lain (Sila nyatakan)..... (JIKA BERKAITAN)			
14. Isi kandungan kertas cadangan. Sila tandakan (/) di ruang berkenaan. (Permohonan yang tidak disertakan dengan kertas cadangan yang lengkap akan ditolak)			
Perkara	Ya	Tidak	
i. Tajuk;			
ii. Tujuan/Objektif;			
iii. Latar Belakang;			
iv. Cadangan Tarikh;			
v. Cadangan Tempat;			
vi. Kumpulan Sasar;			
vii. Anggaran Bilangan Peserta;			
viii. Kaedah Pelaksanaan;			
ix. Anggaran Kos dan Sumber Peruntukan;			
x. Faedah/Outcome; dan			
xi. Kesimpulan			
15. Tandatangan Pemohon dan Cap Rasmi:	16. Tarikh:		
(TANDATANGAN PEMOHON DAN CAP ORGANISASI)		(DD/MM/YYYY)	

Untuk Kegunaan Pejabat.

Tarikh Terima:

Permohonan diterima memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2023: Garis Panduan Undangan atau Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik Ke Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia:

Ya Tidak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN